## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 9 OGOS 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | KADAR SUBSIDI HARGA PADI NAIK KEPADA RM500 PER METRIK TAN MULAI ESOK -PM ANWAR, ASTRO AWANI -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | ANWAR: PADI PRICE SUBSIDY SCHEME RATE INCREASED TO RM500 PER METRIC TONNE, BETTER INCOME FOR FARMERS, THE BORNEO POST -ONLINE | |
| 3. | SUBSIDI HARGA PADI NAIK RM500, NASIONAL, SH -26 | |
| 4. | SKIM SUBSIDI HARGA PADI DITINGKATKAN, NEGARA, KOSMO -4 | |
| 5. | KENAIKAN SUBSIDI PADI DITUNGGU PESAWAH SEJAK SEKIAN LAMA, NEGARA, KOSMO -4 | |
| 6. | SUBSIDI PADI KINI RM500 SATU TAN, NASIONAL, BH -3 | |
| 7. | PESAWAH SAMBUT BAIK KENAIKAN KADAR SSHP, NASIONAL, BH -3 | |
| 8. | KERAJAAN NAIIKKAN SUBSIDI PADI, MUKA DEPAN, UM -1 & 3 | |
| 9. | PADI SUBSIDY INCREASED FOR FIRST TIME SINCE THE 90s, NATION, THE STAR -2 | |
| 10. | PADI SUBSIDY RATE INCREASED, NEWS/NATION, NST -4 | |
| 11. | MOHAMAD: PAYMENT WILL GO DIRECTLY TO ACCOUNTS OF FARMERS, NEWS/NATION, NST -4 | |
| 12. | KEDAH PADI FARMERS GRATEFUL TO PM FOR KEEPING HIS PROMISE, NEWS/NATION, NST -4 | |
| 13. | 'SHARKS IN MARKET NOT ENDANGERED, NATION, THE STAR -12 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/8/2023 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Kadar subsidi harga padi naik kepada RM500 per metrik tan mulai esok - PM Anwar




*Anwar berucap pada Majlis Sentuhan Agro Madani Negeri Perak di Dataran Kerian Permai, Parit Buntar, hari ini. -- fotoBERNAMA*

**PARIT BUNTAR:** Kerajaan bersetuju menaikkan kadar Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) daripada RM360 per metrik tan kepada RM500 per metrik tan berkuat kuasa esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, menerusi inisiatif itu setiap seorang pesawah di negara ini akan menerima sekurang-kurangnya RM1,700 bagi setiap metrik tan padi yang dituai.

Menurutnya, perkara itu diputuskan dalam satu mesyuarat bersama pegawai Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kementerian Kewangan sebelum ini.

"Ini merupakan kenaikan (kadar SSHP) terbesar dalam sejarah. Kenaikan paling tinggi dibuat semasa Anwar Ibrahim jadi Menteri Kewangan sebelum ini (tahun 90-an).

"Kini, jadi Menteri Kewangan (sekali lagi), dan kita menaikkan kadar subsidi itu," katanya ketika berucap pada Program Sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Perak di Dataran Kerian Permai, di sini, hari ini.

Hadir sama, Menteri KPKM Datuk Seri Mohamad Sabu dan Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad.

Anwar berkata, kenaikan yang diumumkan itu melibatkan implikasi kewangan tambahan sekitar RM360 juta setahun, sekali gus meningkatkan jumlah peruntukan SSHP kepada RM1 bilion setahun.

Dalam ucapannya, beliau turut secara berseloroh menyindir pihak yang sebelum ini sering menyerangnya secara peribadi dengan memetik ungkapan 'hari ini umum, esok turun'.

"Hari ini kita umum, esok naik (kadar SSHP baharu). '*Hampa peleceh*' dekat aku lagi, kata hari ini berkuasa, esok turun. Tetapi hari ini kita umum, esok naik subsidi harga padi di seluruh negara," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata kerajaan akan menyemak semula mekanisme penggredan padi berdasarkan parameter pengilangan bagi menjamin harga yang berpatutan dan adil kepada pesawah padi.

Ia juga, katanya, bagi mengelak pengilang bertindak sesuka hati tanpa mengikut standard ditetapkan.

"Saya sudah berbincang dengan KPKM untuk kita melatih pegawai pertanian khusus yang akan ditempatkan di kilang-kilang (pemprosesan padi) swasta bagi memantau secara bebas.

"Ia supaya pengilang swasta tidak potong beras basah ikut selera mereka sahaja. Sebaliknya, kena ikut syarat tertentu berdasarkan kepada undang-undang," tambahnya.

*[TERKINI] Kadar subsidi harga padi naik kepada RM500 per tan metrik mulai esok*

Sementara itu, Anwar juga berkata, KPKM akan mempertimbang untuk menambah peruntukan bagi pelaksanaan inisiatif tanaman padi lima musim dalam dua tahun.

"Belanja untuk buat tali air dan sebagainya yang RM3 bilion itu tidak cukup. Kena tambah lagi. Untuk petani ini, kita cuba tambah. Kita buat yang sebaiknya," kata beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/8/2023 | THE BORNEO POST | ONLINE | |

# Anwar: Padi Price Subsidy Scheme rate increased to RM500 per metric tonne, better income for farmers



*Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim speaks during the launch of the 'Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat '(Madani Economy: Empowering the People) framework in Kuala Lumpur July 27, 2023. – Bernama photo*

PARIT BUNTAR (Aug 8): Datuk Seri Anwar Ibrahim today announced an increase of the Padi Price Subsidy Scheme (SSHP) rate from RM360 to RM500 per metric tonne of padi production, effective tomorrow.

The Prime Minister when announcing the good news said, with the increase, padi farmers in the country would receive at least RM1,700 per metric tonne of their padi production, giving them a better income.

"This is the biggest increase in history. The rate was increased when I was the finance minister a long time ago.

"Today, I did it again. I announced it today, tomorrow it will be increased," he said at the launch of the state-level Sentuhan Agro Madani Programme, here today.

Also present was Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Prime Minister said that the increase in the rate will involve an annual expenditure of RM1 billion.

To address the issue of grading and classification of rice grains, Anwar said discussions will be held with the Ministry of Agriculture and Food Security to deploy agricultural officers to private rice mills specifically to monitor the process and prevent manufacturers from doing it without adhering to the established standards.

Anwar, who is also Finance Minister, said the Ministry of Finance will consider increasing allocations for the implementation of the five-season padi cultivation within two years.

"The RM3 billion allocated for building waterways and related matters is not enough; we need to add more. We will try to do our best for the farmers," he said.

At the same event, Anwar also announced total assistance of RM21.8 million benefiting 28,295 padi farmers and planters in Perak.

The assistance was presented to the Perak Farmers' Organisation chairman Datuk Sham Mat Sahat and representatives of area farmers' organisations. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/8/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 26 |

# Subsidi harga padi naik RM500

Lebih 190,000 pesawah seluruh negara akan terima manfaat

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF
PARIT BUNTAR




**Anwar ketika berucap pada program Sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Perak di Dataran Kerian Permai, Parit Buntar pada Selasa.**

Kerajaan mengumumkan kenaikan kadar subsidi harga padi daripada RM360 kepada RM500 setiap tan metrik bermula Rabu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, penambahbaikan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) itu membolehkan pesawah menerima sekurang-kurangnya RM1,700 setiap tan sekali gus meningkatkan pendapatan pesawah serta memberi motivasi untuk meningkatkan pengeluaran.

Menurut beliau, kenaikan itu melibatkan implikasi kewangan tambahan sekitar RM360 juta setahun dan jumlah peruntukan SSHP mencecah RM1 bilion setahun.

LAPORAN MUKA DEPAN

"Semasa saya menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada tahun 1990-an, itulah pertama kali saya naikkan harga padi. Kemudian ia tidak naik lagi kerana kalau naik, kerajaan perlu tampung belanja.

"Kadar subsidi RM360 per tan metrik naik mulai Rabu kepada RM500. Ini kenaikan terbesar dalam sejarah.

"Kita tidak mahu kata umum hari ini (Selasa) laksana tahun depan, tetapi kita umum Selasa, hari Rabu harga padi naik seluruh negara," katanya ketika berucap pada program Sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Perak di Dataran Kerian Permai, di sini pada Selasa.

Hadir sama, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dan Timbalannya, Chan Foong Hin serta Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Anwar berkata, kerajaan juga akan menyemak mekanisme penggredan padi dengan menempatkan pegawai pertanian di kilang-kilang.

"Kita terima aduan masalah mutu beras basah oleh pengilang. Bagaimana hendak kawal apabila pergi kadang betul, kadang tidak betul, kadang potong lima peratus jadi 10 peratus.

"Saya sudah bincang dengan kementerian, kita mesti latih pegawai pertanian khusus, dia akan ada di kilang swasta dan Padiberas Nasional Bhd (Bernas) untuk pantau supaya pengilang tidak potong beras basah ikut selera mereka, dia kena ada syarat," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kementerian bercadang akan menambah peruntukan bagi pelaksanaan penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun sebagai satu inisiatif meningkatkan pengeluaran beras negara.

"Walaupun unjuran awal RM3 bilion tidak cukup kita terpaksa tambah, kerajaan akan lakukan sebaiknya.

"Bagaimana saya boleh umum pada Selasa, kerana pegawai kita bertungkus lumus bekerja, merancang dan beri pandangan dengan melibatkan pelbagai pihak termasuk Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Kementerian Ekonomi," katanya.

Menurut data Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, terdapat seramai 192,664 pesawah di seluruh negara pada tahun 2019 termasuk kira-kira 57,000 di Kedah, Kelantan (23,341), Selangor (9,632), Pulau Pinang (6,623), Terengganu (6,077) dan Negeri Sembilan (1,086).

Secara purata, pesawah di negara ini dapat menghasilkan padi sekitar lima tan sehektar menggunakan kaedah menanam biasa manakala penggunaan teknologi pintar seperti yang dilaksanakan di Sekinchan, Selangor mampu meningkatkan hasil padi sekitar tujuh hingga 11 tan per hektar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/8/2023 | KOSMO | NEGARA | 4 |

PM umum naik RM360 kepada RM500 per metrik tan

# Skim Subsidi Harga Padi ditingkatkan

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

**PARIT BUNTAR** – Kerajaan bersetuju untuk menambah baik Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dengan meningkatkan kadar subsidi daripada RM360 per metrik tan kepada RM500 per metrik tan berkuat kuasa hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, dengan langkah itu, pesawah akan menerima sekurang-kurangnya RM1,700 per metrik tan.

Katanya, secara langsung ia dapat meningkatkan pendapatan mereka serta memberi motivasi untuk meningkatkan hasil pengeluaran.

"Peningkatan ini juga selari dengan janji manifesto Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) yang lalu.

"Saya telah arahkan supaya langkah ini dilaksanakan segera dan berkuat kuasa pada hari esok (hari ini), 9 Ogos 2023.

"Kenaikan kadar SSHP melibatkan implikasi kewangan tambahan sekitar RM360 juta setahun dan dengan itu, jumlah peruntukan SSHP akan mencecah RM1 bilion setahun," katanya pada Majlis Sentuhan Agromadani Peringkat Negeri Perak di Dataran Kerian Permai di sini semalam.

Menurut beliau lagi, harga belian padi pada ketika ini ditetapkan pada harga minimum RM1,200 bagi setiap metrik tan dengan kerajaan menyediakan RM360 tambahan bagi setiap metrik tan.

Ini bermakna, Anwar menjelaskan, pesawah mendapat sekurang-kurangnya RM1,560 bagi setiap metrik tan padi yang dijual sekarang.



ANWAR bertanya sesuatu kepada orang ramai yang hadir pada Majlis Sentuhan Agromadani Peringkat Negeri Perak di Parit Buntar semalam.

Justeru, katanya, langkah perlu diambil untuk meningkatkan pendapatan pesawah, sekali gus melonjakkan penghasilan padi negara daripada tahap sara diri (SSL) 65 peratus ke tahap maksimum.

Pada masa sama, beliau menegaskan, kerajaan juga komited untuk menyemak semula mekanisme penggredan padi berdasarkan parameter pengilangan iaitu daripada segi kualiti, kelembapan dan kebersihan varieti padi bagi menjamin harga yang berpatutan dan adil kepada pesawah.

Anwar berkata, inisiatif itu diharap dapat meningkatkan pendapatan sara diri pesawah dan memastikan keterjaminan makanan ruji negara iaitu beras terus meningkat.

"Pada masa sama ia merealisasikan hasrat Kerajaan Perpaduan menaik taraf sosioekonomi pesawah dan menoktahkan kemiskinan tegar dalam kalangan masyarakat," katanya.

Menurutnya, di bawah Belanjawan Madani 2023, kerajaan telah menaikkan paras harga pengaktifan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) daripada RM2.50 kepada RM2.70 satu kilogram dengan peruntukan berjumlah RM350 juta.

Katanya, pembayaran IPG oleh LGM juga telah dibuat secara automatik ke akaun bank pekebun kecil dan tidak perlu lagi membuat permohonan secara manual di pejabat LGM.



PESAWAH memang mengharapkan subsidi harga padi dinaikkan kerana kos sara hidup meningkat sekarang. – GAMBAR HIASAN

## Kenaikan subsidi padi ditunggu pesawah sejak sekian lama

**PARIT BUNTAR** – Golongan pesawah menyifatkan pengumuman yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) sebagai suatu yang ditunggu-tunggu selama ini.

Seorang pesawah, Shaiful Shahrin, 45, berkata, kenaikan subsidi padi merupakan satu tindakan yang bijak kerana pesawah sudah lama menanti-nantikannya.

"Ia menggembira dan melegakan kerana sedikit sebanyak membantu golongan petani.

"Secara tidak langsung menambahkan pendapatan dan membantu meringankan bebanan kos sara hidup pada masa ini," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Menurutnya, pengumuman tersebut juga membuktikan kerajaan sentiasa peka dengan nasib petani di negara ini.

"Itu tandanya kerajaan ini prihatin akan nasib pesawah. Apa yang kami perjuangkan selama ini akhirnya didengari oleh kerajaan dan ia diterjemahkan menerusi pengumuman kenaikan subsidi tersebut," ujarnya.

Seorang lagi petani, Mohd. Idris Mohd. Nor, 47, berpandangan, pengumuman itu tepat pada masanya memandangkan kos sara hidup ketika ini begitu tinggi.

Katanya, harga barang yang naik menyukarkan kehidupan mereka yang hanya bergantung kepada hasil pertanian sematamata.

"Sudah tiba masanya kami meraih lebih pendapatan daripada pekerjaan ini. Ada daripada petani yang tidak ada kemahiran lain, selain mengusahakan sawah.

"Saya percaya bantuan kerajaan ini secara tidak langsung boleh menjadi pemangkin kepada kejayaan golongan pesawah di negara ini," katanya.

Mohd. Saufe Anoh, 45, pula berkata, dia berasa amat bersyukur dengan kenaikan subsidi padi tersebut dan penantiannya selama 25 tahun bagi perkara tersebut disifatkannya sebagai berbaloi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/8/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

# Subsidi padi kini RM500 satu tan

## Pengumuman PM ringankan beban pesawah berkuat kuasa hari ini

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhmews@bh.com.my

EKONOMI MADANI
*Memperkasa Rakyat*

**Parit Buntar:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan kadar Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) daripada RM360 per metrik tan kepada RM500 per metrik tan berkuat kuasa hari ini.

Khabar gembira buat petani itu diumumkan Perdana Menteri ketika berucap merasmikan Majlis Sentuhan Agromadani Peringkat Negeri Perak di Dewan Kerian Lermai, di sini semalam.

Ketika mengumumkan kenaikan subsidi terbabit, Anwar secara sinis, menyindir pihak yang sebelum ini sering menyerang peribadinya dengan memetik ungkapan 'hari ini umum, esok turun'.

"Apa, perleceh lagi aku hari ini dapat kuasa esok turun. Sekarang, hari ini umum, esok naik harga padi seluruh Malaysia," katanya ketika membuat pengumuman itu semalam.

Yang turut hadir Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Anwar berkata, peningkatan subsidi sebanyak RM140 itu diunjur membabitkan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion setahun, adalah satu-satunya kenaikan subsidi itu sejak kenaikan terakhir diumumkan kira-kira 25 tahun lalu.

Beliau berkata, pengumuman itu akan menyaksikan pesawah negara ini memperoleh RM1,700 bagi satu tan pengeluaran padi, bermula hari ini, yang bermatlamat meringankan beban pesawah, ia adalah bagi menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah.

Katanya, pengumuman itu diharap melegakan pesawah yang turut berhadapan peningkatan kos input pertanian seperti harga baja dan racun yang membebankan mereka, terutama dalam keadaan harga padi menurun dan pemotongan pemutuan yang tinggi.

"Kenaikan (subsidi padi) yang paling akhir adalah semasa Anwar Ibrahim sebagai Menteri Kewangan dulu, 25 tahun lalu. Alhamdulillah, kini sudah jadi Menteri Kewangan, subsidi itu naik lagi daripada RM360 kepada RM500," imbasnya.




*Anwar menyampaikan replika cek kepada Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Perak, Datuk Sham Mat Saha pada Majlis Sentuhan Agromadani Peringkat Negeri Perak di Dataran Kerian Parit Buntar Perak, semalam. Yang turut hadir Mohamad.*
(Foto Manimaran/BH)

### Kerajaan akan kawal

Menyentuh isu yang sering menjadi rungutan pesawah iaitu berkenaan pemotongan pemutuan beras (padi) basah, Anwar berkata, kerajaan akan mengawal keadaan itu dengan melatih pegawai Jabatan Pertanian untuk ditempatkan khusus di kilang padi

"Ada komplen (aduan) mengenai kawalan pemotongan permutuan sebab kadangkala betul, tetapi kadangkala harga yang patut dipotong lima peratus, tiba-tiba jadi 10 peratus.

"Saya sudah bincang dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang mana nanti kita akan melatih Pegawai Pertanian khusus yang akan ada di kilang-kilang swasta bagi memantau secara bebas.

"Ia supaya pengilang swasta tak potong beras basah ikut selera mereka, sebaliknya kena ada syarat tertentu. Berdasarkan perundangan, Padiberas Nasional Bhd (Bernas) terpaksa beli beras basah (selaku pembeli akhir) kalau orang tak mahu beli dari pesawah, jadi Bernas kena membelinya," katanya.

# Pesawah sambut baik kenaikan kadar SSHP

**Alor Setar:** Langkah kerajaan mengumumkan kenaikan kadar Skim Subsidi Padi (SSHP) daripada RM360 kepada RM500 satu tan disambut baik pesawah di negeri ini.

Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain berkata, kenaikan itu dapat menampung petani mengusahakan sawah kerana selama ini mereka terpaksa menanggung kos kenaikan racun, baja dan jentera.

Beliau berkata, kenaikan RM500 itu adalah antara janji Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) yang lalu.

"Alhamdulillah syukur kerana sebelum ini kami (pesawah) ada macam-macam masalah termasuk kartel dan sebagainya.

"Dengan pemberian (subsidi) RM500 ini bermakna dia (Anwar) tunaikan janjinya," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Semalam, Anwar mengumumkan kenaikan kadar SSHP daripada RM360 kepada RM500 satu tan berkuat kuasa hari ini.

Perdana Menteri berkata, dengan kenaikan subsidi itu pesawah akan menerima sekurang-kurangnya RM1,700 satu tan yang akan meningkatkan pendapatan pesawah negara ini.

Anwar menyifatkan, peningkatan SSHP sebanyak RM140 yang diunjur itu membabitkan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion setahun, adalah satu-satunya kenaikan subsidi itu sejak kenaikan terakhir diumumkan kira-kira 25 tahun lalu.

### Pesawah gembira

Pesawah, Mohd Najib Abu Samah, 45, berkata petani menunggu sejak sekian lama kenaikan SSHP selepas ia kali terakhir disemak beberapa tahun lalu, selain kadar semasa tidak lagi sesuai ketika ini.

"Hakikatnya, subsidi yang diterima sebelum ini memang tidak mencukupi menampung kos setiap musim tanaman padi, setiap tahun kami tanggung kenaikan harga benih, baja dan sewa jentera.

"Sebagai pesawah, kami gembira dengan pengumuman itu kerana kami sudah tunggu lama dan banyak kali merayu SSHP dinaikan mengikut kadar yang lebih bersesuaian," katanya yang mengusahakan sawah di kawasan Ayer Hitam, Jerlun.

Pesawah lain, Shuhami Mat Lazim, 55, berharap pihak kilang tidak mengambil kesempatan kenaikan SSHP yang diumumkan kerajaan hari ini.

"Selama ini, kebanyakan subsidi yang sepatutnya diterima pesawah tidak sampai sepenuhnya kepada kami, menyebabkan ramai terpaksa berhutang setiap kali musim tanaman baharu.

"Disebabkan itu, kita harap kaedah pembayaran subsidi dikaji semula, bukan serah kepada kilang semata-mata, pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) perlu pastikan pesawah terima hak mereka," katanya.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/8/2023 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

# Kerajaan naikkan subsidi padi

## Perdana Menteri umum kenaikan tertinggi selepas 25 tahun, berkuat kuasa hari ini

**Oleh SAYED HESHAM IDRIS dan MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
utusannews@mediamulia.com.my

**PARIT BUNTAR:** Perjuangan pesawah untuk menikmati subsidi padi yang lebih tinggi sejak 25 tahun lalu membuahkan hasil apabila kerajaan mengumumkan kenaikan daripada RM360 kepada RM500 bagi satu tan metrik berkuat kuasa hari ini.

Kenaikan RM140 bagi setiap tan metrik itu adalah yang paling tinggi dalam tempoh tersebut sekali gus menyuntik semangat kepada petani untuk terus mengusahakan sawah dan mengekalkan keterjaminan bekalan beras negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah menaikkan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) itu membolehkan pesawah di seluruh negara menerima sekurang-kurangnya RM1,700 bagi setiap tan metrik tuaian padi mereka selepas ini.

Katanya, kenaikan SSHP melibatkan implikasi tambahan kewangan negara sekitar RM1 bilion setahun.

"Saya telah arahkan supaya langkah ini dilaksanakan segera dan berkuat kuasa pada hari esok (hari ini). Subsidi ini untuk membantu pesawah.

Bersambung di muka 3

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/8/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

# Kerajaan naikkan subsidi padi

Dari muka 1

"Kenaikan kadar SSHP bakal melibatkan implikasi kewangan tambahan mencecah RM1 bilion setahun," kata beliau ketika berucap pada program Sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Perak di Dataran Kerian Permai di sini semalam.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dan Timbalannya, Chan Foong Hin serta Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini kenaikan terbesar SSHP sejak beliau menjadi Menteri Kewangan kira-kira 25 tahun lalu.

"Pelaksanaan ini kita tak mahu tunggu lama, pelaksanaannya kita umum hari ini, esok (hari ini) naik.

"Namun pesawah kena ingat, kita (negara) banyak hutang iaitu RM1.5 trilion tetapi saya cari juga, berapa peruntukannya? Ia mencecah RM1 bilion peruntukan tambahan untuk pesawah setahun," katanya.

Keluasan jelapang padi negara dianggarkan 204,578 hektar di Kedah, Kelantan, Selangor, Perak, Terengganu dan beberapa negeri lain.



ANWAR Ibrahim tiba pada program Sentuhan Agro Madani peringkat Negeri Perak di Dataran Kerian Permai, Parit Buntar semalam. – UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

Kedah mempunyai bilangan pesawah paling ramai iaitu 31,820 orang diikuti Kelantan (30,610 orang), Perak (18,780 orang), Perlis (17,930 orang) dan Selangor (17,580 orang).

Susulan pengumuman itu, di Kangar, pesawah, Nordin Salleh, 66, berkata, kenaikan subsidi adalah rezeki kepada pesawah selepas puluhan tahun memperjuangkan dan menunggu kenaikan itu.

Nordin yang mengusahakan padi di sawah seluas 18 hektar di Batu Pahat, Bintong berkata, apabila harga padi meningkat secara tidak langsung memberi semangat kepada pesawah serta membantu menambah pendapatan mereka.

"Perjuangan lama untuk melihat kenaikan harga padi ini. Seingat saya sudah puluhan tahun tidak naik. Kalau subsidi-subsidi lain itu adalah. Sepanjang 33 tahun mengusahakan tanaman padi, kenaikan ini paling tinggi," katanya.

Sukardi Matt Dali,57, berkata, khabar gembira ini sudah terlalu lama ditunggu dan dengan kenaikan diumumkan tersebut menyuntik semangat untuk pesawah meningkatkan tanaman padi.

"Kita tolak soal politik meskipun ada yang akan kata ia sebagai gula-gula pilihan raya namun yang lebih mustahak kepentingan untuk petani.

"Sudah lama minta kenaikan harga padi ini yang akhirnya ditunaikan Perdana Menteri," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, pengumuman Perdana Menteri itu menggembirakan pesawah kerana selepas puluhan tahun menunggu kenaikan subsidi diberikan sehingga RM140 bagi setiap tan metrik.

"Khabar gembira buat para pesawah dan memberi gambaran bahawa pesawah tidak dilupakan kerajaan" katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/8/2023 | THE STAR | NATION | 2 |

# Padi subsidy increased for first time since the 90s

By MANJIT KAUR
manjit@thestar.com.my

**PARIT BUNTAR:** From today, rice farmers in the country can heave a sigh of relief with a RM140 increase in the rate of the Padi Price Subsidy Scheme, the first since the 1990s.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, who made the announcement yesterday, said the last increase for the scheme was when he was the finance minister in the 1990s.

"Now that I am once again the Finance Minister, I am going to announce that the subsidy rate is being raised from the current RM360 per metric tonne to RM500 per metric tonne, the highest increase to date," he said at the launch of the state-level Sentuhan Agro Madani event at Dataran Kerian Permai here.

The increase will take effect today.



**Man of the hour:** Anwar greeting bersama farmers during the state-level Sentuhan Agro Madani at Dataran Kerian Permai. — Bernama

Also present at the function were Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, his deputy Chan Foong Hin and Perak Mentri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad.

Anwar said that with this move, farmers will receive at least RM1,700 per metric tonne, and this will raise their income as well as motivate them to increase production.

"The increase in the subsidy rate involves an additional financial implication of around RM360mil per year, with the total allocation reaching RM1bil per year.

"The rice grading mechanism will also be reviewed. Agricultural officers will be trained and stationed at factories to make sure that the rice quality is not compromised," he added.

Anwar also questioned his critics why they had failed to increase the rate when they were in power.

"I don't care what anyone says. For me, the priority is to boost the country's economy and ensure that the well-being of the people is taken care of.

"I wish to bring in investors," he said, adding that "some big names" were already in the country.

Later, Mohamad told reporters that rice farmers had been waiting for this news for a very long time now.

He said while not all will be satisfied, the announcement is definitely a big relief for many.

Earlier, Anwar said he would make sure that those leaders who stole the wealth of the country would pay the price.

He said while he could ignore those who had humiliated him daily, he would never forgive former leaders who stole money belonging to the people, adding that they would be arrested and prosecuted.

Anwar also said he is not bothered by those condemning him and making slanderous statements about him daily.

"I have no time to answer them. I have even forgiven those who ill-treated me during my stay in prison.

"I was whacked (and) arrested while nearly half-dead. I don't want to prolong that story.

"Now that I am in power, I can "korek" (dig) back everything and all the misappropriation of funds but I have a lot of other things to do," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/8/2023 | NST | NEWS | 4 |



*Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim says the increase in the padi subsidy rate will involve an additional annual expenditure of RM1 billion.* BERNAMA PIC

FROM RM360 TO RM500 PER METRIC TONNE

# PADI SUBSIDY RATE INCREASED

## Farmers to receive at least RM1,700 per metric tonne for padi production, says PM


MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN SURI
**PARIT BUNTAR**
news@nst.com.my


PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim yesterday announced an increase in the Padi Price Subsidy Scheme (SSHP) rate from RM360 to RM500 per metric tonne of padi production, effective today.

He said with the increase, padi farmers would receive at least RM1,700 per metric tonne for their padi production, giving them a better income and providing them relief, especially considering the high costs involved due to price hikes for fertiliser and pesticides.

EKONOMI MADANI *Memperkasa Rakyat*

"This is the biggest increase in history. The rate was increased when I was finance minister a long time ago. Alhamdullilah, now that I am finance minister again, I can increase it again.

"I announce it today (yesterday), tomorrow (today) it will be increased," he said at the launch of Sentuhan Agromadani Perak at Dewan Kerian Lermai.

Present was Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

Anwar said the increase in the rate would involve an additional annual expenditure of RM1 billion.

He said, to address the issue of grading and classification of rice grains, discussions would be held with Mohamad's ministry to deploy officers to private rice mills.

These, he said, would enable the process to be monitored and prevent manufacturers from doing it without adhering to established standards.

"There have been complaints about the grading and classification. Sometimes it's correct, but sometimes (there have been cases where) the price should have been cut by five per cent but is instead cut by 10 per cent."

Anwar also said the Finance Ministry would consider increasing allocations for the implementation of the five-season padi cultivation within two years.

"The RM3 billion allocated for building waterways and related matters is not enough. We need to add more. We will try to do our best for the farmers," he said.

Anwar also announced a total assistance package of RM21.8 million for 28,295 padi farmers in Perak.

The assistance was presented to Perak Farmers' Organisation chairman Datuk Sham Mat Sahat and representatives of area farmers' organisations.



*Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu speaking at the state-level Sentuhan Agro Madani Programme in Parit Buntar yesterday.* PIC BY L. MANIMARAN

## Mohamad: Payment will go directly to accounts of farmers

**PARIT BUNTAR:** The increase in the Padi Price Subsidy Scheme rate announced by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim is a relief to padi farmers affected by the rising cost of padi production.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the payment of the increased subsidy, from RM360 to RM500 per metric tonne of padi production, will be channelled directly to the accounts of the farmers involved.

"This is a major announcement by the prime minister that the padi farmers have been waiting for. We have heard farmers' grievances and the subsidy increase announced today (yesterday) can provide much-needed relief to them, especially those with small padi fields.

"Large-scale padi farmers can sometimes absorb the increase in price and other costs, but small-scale farmers will find it hard," he said after the launch of the state-level Sentuhan Agro Madani Programme by Anwar.

Earlier in his speech, Mohamad said the Kerian and Seberang Perak Integrated Agricultural Development Areas were important crop areas in the state that focused on integrated padi cultivation, and that the padi production for these two areas last year reached 228,000 metric tonnes, 84 per cent of the state's padi production.

He said that the country's dependence on rice imports was at 35 per cent, which could pose a supply disruption risk if uncertainties arose at the global level.

The government was determined to increase the country's rice production through various implemented and upcoming initiatives and remained committed to ensuring padi farmers' well-being, he added. **Bernama**

## Kedah padi farmers grateful to PM for keeping his promise

**ALOR STAR:** Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's announcement that the Padi Price Subsidy Scheme (SSHP) will be increased by RM140 per metric tonne has been met with joy by farmers in Kedah, the country's rice bowl.

Muda Agricultural Development Authority Padi Farmers Action Body chairman Che Ani Mat Zain said the increase in the padi subsidy rate would be a relief to farmers as they had been paying high costs involving the purchase of pesticide, fertiliser and machinery.

He said he was glad that the prime minister had kept his promise as the amount of RM500 was one of the election promises of Pakatan Harapan for the 15th General Election.

"Alhamdulillah and syukur. Before this, we had all sorts of problems, including having to deal with 'cartels'.

"With this increase, he has kept his promise."

Anwar had made the announcement earlier in Parit Buntar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/8/2023 | THE STAR | NATION | 12 |

# ‘Sharks in market not endangered’

## Species sold in Semporna wet market not on banned list, says Kitingan

By MUGUNTAN VANAR
vmugu@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** The sharks sold at the Semporna wet market are not endangered species, based on an initial investigation by the Sabah Fisheries Department.

Deputy Chief Minister Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan said a preliminary examination conducted by the department found that the sharks shown in the pictures shared on Facebook and reported by the media were not included in the list of endangered species.

Both the Bamboo Shark (Chiloscyllium punctatum) and the Horned Ray species featured in the pictures are not listed as endangered under the Fisheries Act 1985, he added.

Kitingan said there were about 10 types of stingrays from the Mobula genus listed as endangered species under Malaysia’s International Trade in Endangered Species Act 2008.

There are currently 147 shark and stingray species found in Malaysian waters, including Sabah.



**For sale:** Divers identified this rarely seen devil ray sold at the Semporna wet market recently. – Photo courtesy of Luma Duyung Semporna

“Thirteen species are listed as endangered under the Fisheries Act 1985 (Endangered Species Control Regulations 1999) and the International Trade in Endangered Species Act 2008, which cannot be caught and exported,” he said.

Kitingan was responding to the posting of the pictures, which had led to Sabah Dive Squad Club president Sim Fui urging the government to put in place a total hunting ban on all shark species in the state to protect the marine animals as it was a key attraction for diving tourism in Semporna waters.

The diving paradise of Pulau Sipadan is located within the Semporna waters.

Sabah Fisheries Department, added Kitingan, had never allowed sharks and stingrays, including those listed under the Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora, or CITES, to be exported.

Kitingan, who is the state Agriculture, Fisheries and Food Industry Minister, said the department had always taken the necessary and appropriate steps to protect endangered fish species through the enforcement of the Fisheries Act 1985 and the International Trade in Endangered Species Act 2008.

He said, among others, that it had never approved a special licence for any vessel to catch sharks.

The department, he said, had also included a “shark finning activity ban”, which was the cutting or possession of shark fins on fishing vessels, as an additional condition for licences and fishing equipment since Feb 25, 2014.

Offences and violations under the Fisheries Act 1985 (Control of Endangered Fish Species 1999) may be subjected to a fine of up to RM20,000, imprisonment of up to two years, or both.

The fines and jail terms are also more severe under the International Trade in Endangered Species Act 2008, which can see individuals being fined RM100,000 per animal or species, imprisoned for not more than seven years, or both.

Companies can be fined between RM200,000 and RM2mil for each animal or species under the Act.

Kitingan said the Fisheries Department had carried out 117 operations so far this year at markets to monitor the sale of fish caught using explosives as well as those prohibited from sale.

However, he said operations at the Semporna wet market yesterday confirmed that, as a whole, there was no sale of fish classified as endangered under the Fisheries Act 1985 and the International Trade in Endangered Species Act 2008.